

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Monday, May 6, 2019 7:19 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: PERUTUSAN NAIB CANSELOR SEMPENA BULAN RAMADAN AL-MUBARAK 1440H



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

06 MEI 2019 / 1 RAMADAN 1440H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)



UUM ONLINE:

PERUTUSAN NAIB CANSELOR SEMPENA BULAN RAMADAN AL-MUBARAK 1440H

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Alhamdulillah, segala puji dan syukur ke hadrat Yang Maha Esa kerana dengan limpah keizinan-Nya, usia kita dipanjangkan lagi untuk sama-sama merasai kemanisan beribadah pada bulan Ramadhan 1440H.

Bulan Ramadan bukan sekadar bulan diwajibkan berpuasa tetapi yang lebih penting merupakan bulan diturunkan kalamullah (al-Quran) sebagai rujukan utama. Allah SWT berfirman dalam surah al-Baqarah ayat 185 yang bermaksud:

"Bulan Ramadan, yang di dalamnya diturunkan Al-Quran sebagai petunjuk bagi manusia dan keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk dan (menjelaskan) perbezaan (antara yang benar dan salah)."

Selain terkenal dengan bulan Nuzul Al Quran, Ramadan juga merupakan bulan pesta ibadah bagi umat Islam. Setiap umat Islam seharusnya akan berlumba-lumba melakukan ibadah seperti bertadarus, memberi makan orang yang berbuka puasa, qiamullail dan bersedekah. Nabi SAW juga sangat menggalakkan kita melakukan

kebaikan dan Baginda bersikap sangat pemurah pada bulan ini sebagaimana hadis riwayat Bukhari dan Muslim yang bermaksud:

Dari Ibnu 'Abbas ra, *"Sesungguhnya Rasulullah SAW adalah orang yang paling dermawan. Dan kedermawan beliau akan bertambah pada bulan Ramadan ketika bertemu dengan Jibril. Beliau bertemu dengan Jibril setiap malam Ramadan untuk mempelajari Al-Qur'an, dan Rasulullah SAW lebih dermawan dari hembusan angin (yakni sangat mudah mengeluarkan sedekah)."*

Bagi melengkapi kemuliaan bulan ini, marilah kita semua berazam dan berusaha meninggalkan segala amalan yang sia-sia apatah lagi amalan yang boleh mengundang dosa dan kemurkaan daripada Allah SWT serta boleh membatalkan pahala ibadat kita. Hal ini kerana setiap amal kebaikan yang kita lakukan dalam bulan Ramadan perlu seiring dengan meninggalkan segala amalan berbentuk maksiat seperti mengadu domba, mengumpat, memandang benda-benda yang haram dan sebagainya. Baginda Rasulullah SAW telah memberi peringatan tentang betapa ramai umatnya mengerjakan ibadah puasa, namun tidak mendapat apa-apa ganjaran pahala melainkan lapar dan dahaga kerana ibadah mereka menjadi sia-sia. Sebagaimana maksud sabda Baginda SAW:

"Berapabanyak orang yang berpuasa tetapi dia tidak mendapat apa-apa dari puasanya kecuali hanya lapar dan dahaga". Riwayat Ibnu Majah

Akhir kata, saya menyeru semua warga UUM yang beragama Islam agar sentiasa menjadikan Al-Quran sebagai panduan utama dalam hidup kita tidak kira semasa sedang bekerja ataupun di mana sahaja kita berada. Saya juga berharap agar kedatangan Ramadan kali ini melimpahkan rahmah dan berkah kepada diri kita, ahli keluarga dan semua umat muslimin serta berdoa agar kita semua akan dapat mengekalkan kebaikan dan amal ibadat yang kita lakukan sehingga kita bertemu semula pada bulan Ramadan akan datang.

Prof. Dr. Ahmad Bashawir Haji Abdul Ghani

Naib Canselor

Universiti Utara Malaysia



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.